

19/03/2003

Kurangkan bergantung pada pasaran Amerika: PM

Mustapa Omar

NEGARA membangun perlu menukar corak perdagangan mereka dengan mengurangkan pergantungan kepada sesuatu pasaran saja seperti Amerika Syarikat atau Eropah, sebaliknya mencari destinasi eksport baru di rantau lain.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata langkah itu perlu bagi memastikan aktiviti perdagangan tidak terjejas jika berlaku keadaan yang tidak stabil, khususnya peperangan.

"Malaysia sudah mula bergerak ke arah itu melalui usaha meningkatkan perdagangan dengan negara di Asia Barat, Asia Selatan, Amerika Latin dan di kalangan anggota Asean sendiri," katanya pada sidang akhbar di Brasilia, kelmarin.

Perdana Menteri ditanya mengenai langkah yang diambil Malaysia bagi menangani kesan ekonomi, termasuk dalam bidang perdagangan dan pelaburan yang mungkin berlaku jika Amerika Syarikat dan sekutunya menyerang Iraq.

Dr Mahathir berkata, Brazil dan Malaysia pula boleh membuka jalan bagi meningkatkan lagi kegiatan perdagangan dan pelaburan di kalangan negara anggota Mercusur dan Asean.

Mercusur adalah singkatan dalam bahasa Sepanyol bagi pertubuhan serantau

pasaran bersama enam negara di Amerika Latin iaitu Argentina, Bolivia, Brazil, Chile, Paraguay dan Uruguay.

Mengenai kemungkinan aktiviti pelaburan terjejas akibat peperangan di Iraq, Perdana Menteri berkata, pada masa ini pelaburan asing memang sudah

berkurangan berikutan kekurangan modal dan kebimbangan akibat keadaan dunia yang tidak menentu.

Pada sidang akhbar itu, Dr Mahathir juga turut ditanya mengenai cara Malaysia menangani krisis kewangan tanpa memerlukan bantuan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF).

Beliau berkata, Malaysia mampu menguruskan ekonominya dengan baik ketika

krisis berkenaan kerana negara memiliki asas kewangan yang kukuh, selain tidak mempunyai hutang luar yang banyak.

"Kami meminjam hanya sedikit, tetapi memiliki tabungan yang banyak dan sumber domestik yang kukuh. Selain itu, kadar pengangguran juga rendah menyebabkan ekonomi kami dapat dipulihkan dengan cepat," katanya.